



## MENTERI SUMBER MANUSIA

### KENYATAAN MEDIA

#### **PENSIJILAN PROFESIONAL PERKESO MEMBAWA PERANAN BESAR DALAM PELAKSANAAN STRATEGI PEMBANGUNAN MODAL INSAN**

1. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan TAHNIAH dan SYABAS kepada kesemua **119 graduan termasuk 6 orang dari rantau Asia Tenggara** yang telah berjaya memperoleh pensijilan profesional PERKESO pada tahun ini, iaitu *Certified Disability Management Professional (CDMP)*, *Certified International Pension and Retirement Professional (CIPRP)* dan *Professional Career Management Course (PCMC)*.
2. Pensijilan CDMP dan CRTWC dibangunkan oleh *National Institute of Disability Management & Research (NIDMAR)*, Kanada dan PERKESO memperkenalkannya di rantau ini pada 2010. Saya ingin tekankan bahawa Malaysia adalah **satu-satunya negara** di Asia Tenggara yang menawarkan pensijilan CDMP dan CRTWC yang **bertaraf antarabangsa** ini.
3. Saya berharap hasil usaha para graduan memperoleh pensijilan profesional ini akan menjadi inspirasi kepada para pekerja lain untuk cuba mencapai kejayaan yang sama. Mendapat pengiktiranan profesional bukan sahaja akan meningkatkan kemahiran, prestasi dan perkembangan kerjaya setiap individu, malah ianya akan memberi manfaat besar kepada mereka yang menerima perkhidmatan dari pengamal keselamatan sosial yang profesional dalam bidang masing-masing.
4. Pensijilan profesional yang diperkenalkan PERKESO ini memainkan peranan penting dalam melaksana strategi-strategi yang digariskan dalam **Pelan Strategik Kementerian Sumber Manusia 2020-2025** iaitu meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan perlindungan keselamatan sosial kepada pelanggan, memantapkan penyelidikan berhubung isu-isu perburuhan dan penggajian, dan memperluaskan aktiviti penyelidikan sumber manusia dan pasaran buruh.
5. Sebelum **Majlis Graduasi Pensijilan Profesional PERKESO 2023** bermula tadi, saya juga sempat melawat **“Walk-In Interview MyFutureJobs”** dan **“Bazar RTWPreneur”** yang dianjurkan bersempena majlis ini.

6. Bazar RTWPreneur melibatkan **10 peserta Return-To-Work PERKESO** yang menjual pelbagai produk, sementara menerusi temu duga terbuka ini, **10 majikan** telah menawarkan **500 kekosongan jawatan** dalam pelbagai sektor. Ini adalah antara inisiatif PERKESO untuk membantu pencari kerja, mengurangkan kadar pengangguran dan memperkukuhkan pasaran buruh negara.
7. Saya dimaklumkan bahawa seiring dengan usaha mewujudkan peluang pekerjaan kepada pelbagai lapisan masyarakat di Malaysia, PERKESO akan menganjurkan lebih **40 Karnival Kerjaya peringkat negeri** dan hampir **3,000 program temuduga terbuka** di pejabat-pejabat PERKESO, Pusat-pusat Satelit MYFutureJobs dan premis kolej serta universiti di seluruh negara, di **sepanjang tahun 2023** ini.
8. Selain itu, satu **Ekspo Kerjaya** berskala besar juga akan dianjurkan sebagai penutup tirai tahun 2023 nanti. Semua program temuduga terbuka PERKESO disasarkan kepada pelbagai golongan dan peringkat termasuk lepasan sekolah, para graduan, profesional, belia, wanita, Orang Kurang Upaya (OKU) serta golongan rentan yang lain.
9. Pada minggu hadapan pula, satu **Karnival Kerjaya MyFutureJobs 2023** akan dianjurkan PERKESO di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada **11 dan 12 Februari 2023**. Lebih **140,000 peluang pekerjaan** akan ditawarkan oleh **10,000 majikan** yang mengambil bahagian seperti Maybank, BSN, EXIM Bank, KTM Malaysia, ExxonMobil, UMW, UOA Group dan Avisena Healthcare.
10. Untuk meningkatkan peluang calon-calon berjaya dalam temu duga, PERKESO akan menyediakan perkhidmatan pekerjaan secara percuma seperti penyediaan resume, pendaftaran portal MYFutureJobs serta bimbingan dan nasihat kerjaya. Saya menyeru semua pencari kerja supaya merebut peluang yang disediakan di Karnival ini dan anda digalakkan membuat pendaftaran awal di pautan [www.myfuturejobs.gov.my/career](http://www.myfuturejobs.gov.my/career).
11. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini menggesa para majikan untuk menggunakan **Portal Pekerjaan Negara MYFutureJobs** di bawah Kementerian Sumber Manusia untuk mencari tenaga kerja tempatan dengan mengiklankan kekosongan jawatan di portal tersebut.
12. PERKESO, sebagai salah satu agensi Kementerian, juga menyediakan perkhidmatan pekerjaan secara percuma kepada majikan seperti pengambilan pekerja dan sesi temu duga yang diadakan setiap hari di pejabat-pejabat utama PERKESO, secara mingguan di Pejabat PERKESO tempatan dan setiap bulan di Pusat-pusat Satelit MYFutureJobs.

13. Sebagai Menteri Sumber Manusia, saya akan memastikan usaha pembangunan kapasiti dan peningkatan kemahiran, kompetensi dan kecekapan sumber manusia tempatan demi pengukuhan perlindungan keselamatan sosial yang inklusif dilaksanakan secara berterusan. Ini adalah selaras dengan gagasan **Malaysia Madani** yang antara lain menekankan modal insan yang menguasai ilmu pengetahuan dan teknologi di samping memiliki nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi.

**YB TUAN V. SIVAKUMAR**  
**MENTERI SUMBER MANUSIA**  
**PUTRAJAYA**  
**3 FEBRUARI 2023**